**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Malaysia perlu pertingkat usaha tukar pengetahuan jadi produk tokokan nilai: MOSTI | BERNAMA |
| 2. | Pujuk pulangkan barang peribadi | Harian Metro |
| 3. | Peluang lihat fenomena supermoon | Harian Metro |
| 4. | First MH17 Malaysia victim identified | New Straits Times |
| 5. | Malaysia berpeluang lihat hujan Meteor Perseid Isnin hingga Rabu depan | BERNAMA |
| 6. | Malaysia can view Perseid meteor showers | The Sun Daily |
| 7. | Malaysia berpeluang lihat hujan Meteor Perseid Isnin hingga Rabu depan | KOSMO |
| 8. | Peluang lihat hujan meteor Isnin hingga Rabu | Sinar Harian |
| 9. | Crackdown on car wash centres | The Sun |
| 10. | Met Dept: Rain expected over weekend | The Star |

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Malaysia Perlu Pertingkat Usaha Tukar Pengetahuan Jadi Produk Tokokan Nilai: Mosti

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu meningkatkan usaha menukarkan pengetahuan menjadi produk, proses, perkhidmatan atau penyelesaian yang menambah nilai dalam setiap industri bagi manfaat maksimum sosioekonomi dengan menggalakkan penyelidikan bagi teknologi dan penyelesaian baharu.

Dalam menggesa perkara ini, **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata sains, teknologi dan inovasi merupakan tunjang kepada kejayaan dalam ekonomi moden hari ini kerana ia merupakan pelaburan strategik bagi membangunkan ekonomi lebih inovatif dan dinamik serta sumber penting untuk mengharungi cabaran dan ketidaktentuan Abad Ke-21.

"Kita mahu menjadi sebuah negara yang cekap, berkeyakinan dan inovatif dalam teknologinya ketika kita mengorak langkah untuk mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya pada majlis perasmian Fuji Xerox DocuWorld 2014, di sini.

Fuji Xerox Asia Pacific Pte Ltd (Operasi Malaysia), penyedia penyelesaian pengurusan dokumen utama dunia memulakan DocuWorld 2014, pameran teknologi terkini yang menyokong perniagaan dan dalam masa yang sama membolehkan ia beroperasi lebih cekap dan efektif.

Pameran itu bertujuan menghubungkan perniagaan dengan penyelesaian yang sesuai menerusi platform bagi rakan kongsi dan pelanggan untuk memahami dengan lebih mendalam teknologi pengurusan dokumen inovatif terkini oleh Fuji Xerox.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15
TARIKH: 8 OGOS 2014 (JUMAAT)

# Pujuk pulangkan barang peribadi

## ■ PDRM guna diplomasi edar ratusan poster di Grobove




**Ukraine**

Pasukan petugas MH17 Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan pendekatan diplomasi dengan mengedarkan ratusan poster di kampung di Grobove di sini, bagi memujuk penduduk memulangkan barang peribadi milik mangsa tragedi MH17.

Difahamkan, kebanyakan barang peribadi mangsa seperti telefon bimbit, dompet, barang kemas, bagasi serta pakaian mangsa 'ghaib' sejurus pesawat terhempas di kawasan itu pada 7 Julai lalu.

Barangan berharga milik mangsa yang berteraburan di kawasan padang dan sekitar kediaman penduduk di Soledar di sini, dipercayai 'dilarikan' termasuk dicuri oleh pihak tidak bertanggungjawab yang menggeledah lokasi nahas.

Jurucakap polis berkata, dua petugas PDRM menyertai salah satu pasukan penyiasat MH 17 untuk mengedarkan risalah kepada penduduk Kampung Grobove berhampiran sebuah bangunan kelab yang terletak berhampiran kawasan nahas pagi kelmarin.

Menurutnya, risalah dalam bahasa tempatan itu diedarkan bagi meminta penduduk kampung berkenaan supaya menyerahkan kembali barang berharga milik mangsa nahas yang sudah diambil.

"Usaha itu dianggap berjaya apabila beberapa penduduk kampung dilihat tampil menyerahkan kembali dua barang kemas milik penumpang MH17 di bangunan kelab berkenaan.

"Operasi yang bermula pada jam 7.30 pagi waktu tempatan itu membabitkan 40 petugas MH 17 yang mewakili PDRM, Australia dan Belanda," katanya.

Pasukan petugas PDRM sebelum menuju ke lokasi nahas dengan menaiki 14 buah kenderaan terdiri kenderaan polis, bas mini, kenderaan perubatan, van anjing pengesan, dan sebuah lori sejuk beku.

Sementara itu, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar yang tiba di Hilversum, Belanda, tengah hari kelmarin diberi taklimat berkaitan pengurusan mayat nahas MH17.

Taklimat diberikan oleh Timbalan Komander Pasukan DVI Antarabangsa Howard Way yang juga Pengerusi Jawatankuasa DVI Interpol.

Dalam taklimat lebih sejam yang diadakan di Kem Tentera Hilversum itu, Howard berkata, semua mayat mangsa kini dalam proses pengesahan.

Khalid turut meluangkan masa beramah mesra bersama petugas dari Malaysia yang terdiri daripada tujuh pegawai DVI PDRM, 16 pegawai perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan seorang pegawai Jabatan Kimia.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 53
TARIKH: 8 OGOS 2014 (JUMAAT)

# Peluang lihat fenomena supermoon

**Kuala Lumpur:** Orang ramai berpeluang menyaksikan pancuran meteor perseid pada waktu kemuncaknya iaitu sekitar Isnin hingga Rabu ini.

Selain itu, orang ramai juga berpeluang menyaksikan fenomena perigee atau dikenali sebagai supermoon iaitu bulan berada dalam keadaan lebih besar dan terang sekitar jam 1.46 pagi pada Isnin ini.

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataannya semalam berkata, memandangkan bulan dalam fasa bulan penuh dan kedudukan yang hampir dengan bumi kenampakan meteor adalah berkurangan.

Untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan fenomena dan program ANGKASA, orang ramai digalakkan melayari laman sesawang di www.angkasa.gov.my atau laman Facebook atau Twitter ANGKASA Malaysia.

Orang ramai juga boleh menghubungi Observatori Negara Langkawi (ONL) di talian 04-966 8870 atau Planetarium Negara di 03-2273 4303.

**KERATAN AKHBAR**
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 1**
**TARIKH : 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

# First MH17 Malaysian victim identified

**FARRAH NAZ KARIM AND ALIZA SHAH**

**KUALA LUMPUR:** Forensic experts, tasked with matching the identities of victims from the MH17 tragedy with their ante-mortem data, have identified the first Malaysian among the remains brought to their table.

A source, close to the investigations and forensic processes going on in the Netherlands, said this confirmation followed the latest endorsement of the identities of 17 people who were on the Malaysia Airlines aircraft, on Tuesday.

The majority of those identified were Dutch citizens.

"Among the 17, there was a Malaysian.

"He was a passenger, not a crew member, and an Indian," the source told the *New Straits Times*.

EXCLUSIVE

The endorsement was the third in more than two weeks since the remains of those on board the flight were retrieved from Grabovo, a village near Donetsk in eastern Ukraine, and flown to the Netherlands. The Netherlands had been given the role of lead investigator.

The first two bodies identified were Dutch citizens. Their government, upon confirming their identities, informed the families and the mayor of the town where they lived.

It has, however, not been announced if the remains had been returned to their families.

The international Disaster Victims Identification team is made up of some 200 forensic experts, including Malaysia's own team of experts from the Health and Defence ministries, the Royal Malaysia Police as well as the Chemistry Department.

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# Malaysia Berpeluang Lihat Hujan Meteor Perseid Isnin Hingga Rabu Depan

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan pancuran Meteor Perseid dan Fenomena 'Supermoon' pada Isnin hingga Rabu depan.

Kenyataan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) menyebut pada minggu kedua Ogos, bulan purnama paling besar dan terang dalam tahun ini yang berlaku serentak dengan pancuran Meteor Perseid bakal menyajikan pemandangan menarik di langit.

Pancuran Meteor Perseid terjadi apabila komet Swift Tuttle mengunjungi sistem suria setiap 133 tahun dan meninggalkan debu di sepanjang laluannya.

Komet Swift Tuttle akan menerjah atmosfera bumi pada kelajuan 225,300 kilometer sejam dan menghasilkan percikan cahaya di langit.

Menurut kenyataan itu, waktu terbaik menyaksikan pancuran Meteor Perseid ialah selepas tengah malam hingga Subuh dan menghadap ke arah timur laut.

Pancuran Meteor Perseid mampu menghasilkan banyak bebola api yang memiliki kecerahan seperti Planet Musytari atau Zuhrah.

Ketika keadaan langit gelap dan bebas daripada sinaran bulan, pencerap biasanya dapat menyaksikan lebih daripada 100 meteor sejam.

Kenyataan itu juga menyebyt, Fenomena Supermoon pula berlaku apabila bulan berada pada kedudukan paling dekat dengan bumi iaitu 14 peratus lebih hampir dan 30 peratus lebih terang berbanding malam lain.

Bulan akan berada pada jarak 356,896 kilometer pukul 1.46 pagi manakala fasa bulan purnama berlaku pukul 2.09 pagi Isnin depan.

-- BERNAMA

**AKHBAR ONLINE**
**THE SUN DAILY (http://www.thesundaily.my)**
**TARIKH : 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

theSundaily

# Malaysia can view Perseid meteor showers

KUALA LUMPUR: Malaysians have the opportunity to witness the Perseid meteor showers and "supermoon" phenomenon next Monday to Wednesday.

**National Space Agency (Angkasa)** in a statement today said on the second week of August, the biggest and clearest full moon for this year will occur simultaneously with the perseid meteor showers that will give a spectacular sight in the sky.

Perseid meteor showers occur when the Swift Tuttle comet passes through the solar system every 133 years and leaves behind a dust trail.

According to the statement, the best time to witness the occurence is after mid-night until dawn in the northeast direction.

The showers can produce many fire balls that have similar brightness like the planets, Jupiter or Venus.

When the sky is dark or free from moonlight, the observer normally can witness more than 100 meteors per hour.

The statement added that the 'supermoon' phenomenon would occur when the moon is at the nearest position to the earth, at 14 percent nearer and 30 percent clearer compared to other nights.

The moon will be at a distance of 356,896km at 1.46am while the full moon phase will occur at 2.09am next Monday.

**AKHBAR ONLINE**
**KOSMO (http://www.kosmo.com.my)**
**TARIKH : 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

# Malaysia berpeluang lihat hujan Meteor Perseid Isnin hingga Rabu depan

KUALA LUMPUR - Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan pancuran Meteor Perseid dan Fenomena 'Supermoon' pada Isnin ini hingga Rabu depan.

Kenyataan **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** menyebut pada minggu kedua Ogos, bulan purnama paling besar dan terang dalam tahun ini yang berlaku serentak dengan pancuran Meteor Perseid bakal menyajikan pemandangan menarik di langit.

Pancuran Meteor Perseid terjadi apabila komet Swift Tuttle mengunjungi sistem suria setiap 133 tahun dan meninggalkan debu di sepanjang laluannya.

Komet Swift Tuttle akan menerjah atmosfera bumi pada kelajuan 225,300 kilometer sejam dan menghasilkan percikan cahaya di langit.

Menurut kenyataan itu, waktu terbaik menyaksikan pancuran Meteor Perseid ialah selepas tengah malam hingga Subuh dan menghadap ke arah timur laut.

Pancuran Meteor Perseid mampu menghasilkan banyak bebola api yang memiliki kecerahan seperti Planet Musytari atau Zuhrah.

Ketika keadaan langit gelap dan bebas daripada sinaran bulan, pencerap biasanya dapat menyaksikan lebih daripada 100 meteor sejam.

Kenyataan itu juga menyebut, Fenomena Supermoon pula berlaku apabila bulan berada pada kedudukan paling dekat dengan bumi iaitu 14 peratus lebih hampir dan 30 peratus lebih terang berbanding malam lain.

Bulan akan berada pada jarak 356,896 kilometer pukul 1.46 pagi manakala fasa bulan purnama berlaku pukul 2.09 pagi Isnin depan

Artikel Penuh:
http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0807&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_32.htm#ixzz39IIIqGMF

**AKHBAR ONLINE**
**SINAR HARIAN (http://www.sinarharian.com.my/)**
**TARIKH : 8 OGOS 2014 (JUMAAT)**

# Peluang lihat hujan meteor Isnin hingga Rabu



KUALA LUMPUR - Rakyat Malaysia berpeluang menyaksikan pancuran Meteor Perseid dan Fenomena 'Supermoon' pada Isnin hingga Rabu depan.

Kenyataan Agensi Angkasa Negara (Angkasa) menyebut pada minggu kedua Ogos, bulan purnama paling besar dan terang dalam tahun ini yang berlaku serentak dengan pancuran Meteor Perseid bakal menyajikan pemandangan menarik di langit.

Pancuran Meteor Perseid terjadi apabila komet Swift Tuttle mengunjungi sistem suria setiap 133 tahun dan meninggalkan debu di sepanjang laluannya.

Komet Swift Tuttle akan menerjah atmosfera bumi pada kelajuan 225,300 kilometer sejam dan menghasilkan percikan cahaya di langit.

Menurut kenyataan itu, waktu terbaik menyaksikan pancuran Meteor Perseid ialah selepas tengah malam hingga Subuh dan menghadap ke arah timur laut.

Pancuran Meteor Perseid mampu menghasilkan banyak bebola api yang memiliki kecerahan seperti Planet Musytari atau Zuhrah.

Ketika keadaan langit gelap dan bebas daripada sinaran bulan, pencerap biasanya dapat menyaksikan lebih daripada 100 meteor sejam.

Kenyataan itu juga menyebyt, Fenomena Supermoon pula berlaku apabila bulan berada pada kedudukan paling dekat dengan bumi iaitu 14 peratus lebih hampir dan 30 peratus lebih terang berbanding malam lain.

Bulan akan berada pada jarak 356,896 kilometer jam 1.46 pagi manakala fasa bulan purnama berlaku jam 2.09 pagi Isnin depan

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 08 OGOS 2014 (JUMAAT)

# Crackdown on car wash centres

> Illegal operations to be shut down in bid to save water

BY **ADRIAN PHUNG**
newsdesk@thesundaily.com

ASYRAF RASID/THE SUN



Selangor has initiated steps to curb water usage by the many car wash centres in the state.

**PETALING JAYA:** All local authorities in Selangor have been ordered to immediately shut down unlicensed car wash centres in a move to save water.

As for licensed centres, they will be allowed to operate their business only from 12pm to 6pm daily until further notice.

This was decided at the Selangor state executive council meeting on Wednesday.

Mentri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim said the local authorities have been directed to issue a notice to all car wash operators so that they can implement the directive with immediate effect.

As to the water crisis, he said: "The state government will ensure that there is enough water to last until the end of the El Nino period."

He added the water rationing exercise will only be the last resort when all other efforts fail.

"While the state government ensures there is enough water supply to all consumers from the dams, we also want consumers to use water wisely and not waste it unnecessarily," said Khalid.

There are several ways of conserving water and the ways to do so can be obtained from the internet and the Syabas website.

Khalid said the state government is continuing its mitigation plans, including the reduction of water release from the Sungai Selangor dam to 700 million litres per day (mld) and Sungai Tinggi to 500mld.

He added that raw water to the treatment plants will be increased to 800mld starting today, with water pumped from ponds to the rivers concerned.

Khalid said cloud-seeding activities will also be continued at dam catchment areas with the cooperation of the air force, Meteorological Department and AF Jet Sdn Bhd.

Meanwhile, state youth and sports, infrastructure and amenities committee chairman Dr Ahmad Yunus Hairi said an announcement on water rationing will be made next week. He assured consumers that ample notice will be given before implementing water rationing.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 08 OGOS 2014 (JUMAAT)



**Water saver:** The Hybrid Off-River Augmentation System (Horas) is a storm-water harvesting system and accumulation of groundwater project, developed by the state government in Bestari Jaya, Kuala Selangor.

# Met Dept: Rain expected over weekend

**PETALING JAYA:** Malaysians will get a brief respite from the dry spell plaguing the country – with relief expected from a typhoon passing nearby.

Malaysia Meteorological Department's (MMD) deputy director-general Alui Bahari said more rainfall was expected this week, especially during the weekend.

Super Typhoon Halong, which has strengthened to 240kph, is expected to make landfall tomorrow at Shikoku, Japan's smallest island.

"When a typhoon is gathering, the moisture in the air becomes concentrated towards the typhoon, which brings about a dry spell.

"The moisture will be released again once the typhoon has decayed, resulting in more rainfall," explained Alui.

He said the region was susceptible to dry spells when typhoons originating in the Pacific Ocean start to form.

"As August is a peak season for typhoons, the country will experience alternate periods of dry and wet weather throughout the month," he said.

Alui added that while rainfall was expected to increase this week, MMD would still be conducting cloud seeding operations over water catchment areas to boost dam levels.

Meanwhile, the air quality around the country improved slightly yesterday compared to Wednesday.

The air pollutant index (API) of Port Klang, which reached an "unhealthy" level of 115 on Wednesday, came down to a "moderate" level of 56 yesterday.

Other areas which recorded moderate readings yesterday included Miri (74), Sri Aman (67), Batu Muda in Kuala Lumpur (64) and Bakar Arang in Sungai Petani (56).

**iSnap me** for a video on what's said about the water rationing decision
**Get The Star Mobile App now!**